


Tarikh: 22 Jun 2017

Semua Ketua Jabatan
Negeri Perlis.



**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI PERLIS
BIL. 3 TAHUN 2017
PENETAPAN HAD MINIMUM KAJIAN PASARAN BAGI PEMBELIAN TERUS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang YB/Tuan/Puan sedia maklum Pekeliling Perbendaharaan (1PP) telah menetapkan kaedah perolehan bagi item-item bernilai RM20,000 ke bawah setahun boleh dibuat secara pembelian terus dan Jabatan dikehendaki membuat kajian pasaran supaya harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan.

3. Walau bagaimanapun, bagi mempercepatkan proses perolehan di peringkat Kerajaan Negeri, Perbendaharaan Negeri telah bersetuju menetapkan had pembelian minimum bernilai RM5,000 sahaja yang memerlukan kajian pasaran. Pembelian yang kurang dari RM5,000 boleh terus dilaksanakan daripada mana-mana pembekal yang diketahui boleh menawarkan bekalan/perkhidmatan dengan harga yang berpatutan dan menguntungkan kerajaan.

4. Sehubungan dengan itu, satu rekod lengkap mengenai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan hendaklah disimpan oleh Jabatan dan dikemukakan kepada Bendahari Negeri setiap tiga bulan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(NASARUDDIN BIN ABDUL MUTTALIB)

Pegawai Kewangan Negeri
Perlis

s.k. Pengarah Jabatan Audit Negara
Cawangan Perlis.

Bendahari Negeri Perlis.